

penyakit anda. Beliau juga akan memeriksa telinga dan kelenjar limfa pada leher anda.

Pakar anda akan menggunakan endoskop (ia adalah teropong berkamera khas dengan cahaya) dan satu lagi alat khas untuk mengambil sampel daging (biopsi) dari rongga hidung. Sampel tersebut akan dikaji di bawah mikroskop dalam makmal oleh pakar patologi/kajipenyakit untuk memastikan sama ada sel tersebut berkanser. Biopsi adalah satu-satunya cara kehadiran kanser NPC dapat dipastikan atau disangkal.

Selepas diagnosis, pakar anda akan melakukan ujian-ujian lain untuk memastikan peringkat/tahap kanser. Ini termasuk X-ray dada, 'CT scan' leher dan ultrasound hati anda.

Ramai pesakit mendapat pengesanan hanya pada peringkat lewat disebabkan kawasan ini susah diperiksa tanpa alatan khas dan tanda penyakit NPC menyerupai penyakit biasa lain. Malah polip hidung pun boleh menyerupai NPC! Apabila NPC semakin berlanjutan, rawatannya menjadi semakin rumit dan kadar kejayaan pengobatannya menurun.

Jadi, apakah rawatan untuk penyakit NPC ?

Cara rawatan utama adalah secara radioterapi,, kimoterapi ataupun gabungan kedua-duanya sekali. Rawatan radioterapi menggunakan sinaran-X yang bertenaga tinggi untuk membunuh sel kanser

ataupun membantut tumbesarnya. Kimoterapi (rawatan menggunakan ubat) pula menggunakan ubat-ubatan untuk mencapai tujuan yang sama. Namun, pembedahan jarang diperlukan untuk merawat NPC, kecuali jika NPC kembali sekali lagi selepas rawatan kali pertama.



Persediaan Radioterapi

Prognosis (peluang pengubatan NPC) dan pilihan cara rawatan bergantung kepada:


- ✓ Peringkat kanser (sama ada ia masih terhad pada nasofarinks sahaja, melibatkan rongga hidung lain ataupun telah merebak ke bahagian badan yang lain).
- ✓ Jenis NPC (Jenis WHO I, II atau III).
- ✓ Saiz kelenjar limfa yang bengkak pada leher.
- ✓ Umur dan keadaan kesihatan secara keseluruhan pesakit.

Bagaimanakah boleh saya mencegah NPC ?

Malangnya, tiada lagi cara yang berkesan untuk mencegahnya. Namun, berpandukan pengetahuan faktor risiko NPC, anda boleh mengambil langkah-langkah berjaga-jaga. Ini termasuk mengurangkan atau menghentikan pemakanan jenis makanan yang tersenarai di atas.

KANSER NASOFARINKS/HIDUNG

(NPC)



Kanser nasofarinks/hidung NPC
(pandangan melalui endoskopi hidung)

Risalah informasi pesakit ini bertujuan membantu pesakit dan ahli keluarganya memahami keadaan penyakitnya, pilihan rawatan dan kesan daripada sebarang keputusan yang akan dibuat. Ia tidak bertujuan untuk digunakan dalam diagnosis atau penentuan cara rawatan pesakit. Sila berunding dengan pakar perubatan anda berkenaan keadaan penyakit tersendiri anda.

DR. VINCENT TAN

MD (UKM), A.M. (MAL.), MS ORL-HNS (UKM),
DOHNS RCS EDINBURGH (UK), MRCS EDINBURGH (UK),
POSTGRAD CERT. IN ALLERGY (UK)
Associate Professor & Consultant Ear, Nose and Throat,
Head and Neck Surgeon




www.entheadandneckspecialist.com

T: +603-6141 8533 E: ENTdrvincenttan@gmail.com

Apakah Kanser nasofarinks/hidung [nasopharyngeal cancer (NPC)] ?:

Kanser nasofarinks/hidung lebih dikenali sebagai NPC. Ia adalah kanser yang bermula dari bahagian belakang hidung dan di atas rongga mulut yang dikenali dengan nama perubatannya- 'nasofarinks'.



Endoskopi hidung

NPC pada peringkat awal kerap kali tidak mempunyai tanda-tanda penyakit. Ia juga susah dikesan pada peringkat awal kerana ia memerlukan peralatan teropong khas yang dikenali sebagai 'endoskop' (boleh didapati di klinik pakar telinga hidung dan tekak) dan tanda-tanda penyakitnya tidak begitu khusus, malah boleh menyerupai penyakit hidung biasa yang lain. Peringkat awal NPC kadang-kadang tidak mempunyai sebarang tanda penyakit !

Antara tanda-tanda penyakit termasuk:

- Pembengkakan kelenjar limfa pada bahagian leher

- Lendir/lelehan hidung berdarah
- Sumbat hidung terutamanya sebelah sahaja
- Kurang pendengaran terutamanya sebelah sahaja
- Jangkitan telinga yang kerap
- Sakit kepala
- Penglihatan kabur (imej berganda)
- Sakit pada bahagian muka dan leher

Apakah komplikasi NPC?

Ia kerap merebak dari nasofarinks ke kelenjar limfa di leher, menyebabkan pembengkakan pada leher. Ia mungkin juga merebak lebih jauh lagi sehingga ke tulang, sum-sum tulang, paru-paru dan hati.



Apakah factor-faktor risiko NPC ?

Kajian-kajian saintifik telah mengenalpasti beberapa faktor risiko seperti di bawah:

- **Jantina.** Berbanding perempuan, lelaki adalah lebih kurang dua kali lebih berkemungkinan mendapat NPC.
- **Bangsa/kaum.** NPC amat kerap di kalangan orang di Asia dan Afrika Utara. Di Malaysia, kadar tertinggi adalah di kalangan kaum Cina dan di Sarawak, kaum Bidayuh.

- **Umur.** Biasanya NPC paling kerap pada julat umur antara 30 dan 55 tahun. Walau bagaimanapun, ia masih boleh terjadi di luar julat umur ini.
- **Makanan diawet dengan garam.** Apabila jenis makanan ini termasuk ikan masin, sayur-sayuran awet dan ubat-ubatan tradisional Cina dimasak, bahan kimia toksik akan dihasilkan dan akan diserap ke dalam rongga hidung. Di negara Cina, NPC dikaitkan dengan pemakanan ikan masin. Namun, perubahan tabiat pemakanan di kalangan penduduk di bahagian timur-selatan negara tersebut kepada yang bercorak Barat telah menampakkan penurunan kadar NPC.
- **Daging awet.** Daging awet mengandungi kandungan garam 'nitrate' yang tinggi, yang boleh membawa kepada NPC.
- **Sejarah penyakit keluarga.** Kejadian NPC di kalangan ahli keluarga meninggikan risiko seseorang, sama ada secara hubungan genetik ataupun persekitaran.

Bagaimanakah NPC diagnosis dibuat?

Biasanya, pakar telinga hidung dan tekak anda akan bertanya sejarah penyakit dan tanda-tanda